



Jadi baik hati,
dermawan di
Tahun Baru Cina

► MUKA 12-13

Lala
istiqamah
berhijab

► MUKA 16



Niat solat,
sebelum atau
selepas takbir?

► MUKA 14



Perpustakaan Kuala Lumpur

Kembalinya lokasi peminat buku ibu kota



BAHAN bacaan yang disediakan sentiasa disusun dengan kemas dan mengikut seksyen.



KEMUDAHAN membaca yang selesa disediakan kepada pengunjung.

Janjikan keselesaan buat peminat buku meneroka dunia ilmu

Perpustakaan Kuala Lumpur serlah imej kontemporari

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

MEMBUDAYAKAN aktiviti membaca dalam kalangan warga kota menjadi objektif utama pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya amalan tersebut menjadi imej kepada bandar raya ini.

Justeru apabila Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL) yang bersebelahan dengan Dataran Merdeka dibuka semula pada tahun lalu, ia sudah pasti menjadi berita gembira buat peminat-peminat buku di ibu kota untuk mengisi waktu mereka menelaah koleksi-koleksi bacaan menarik di situ.

Menurut Pustakawan Kanan PKL, Rosidah Ismail, PKL mula dibuka pada tahun 2004 dan ia menjadi tumpuan utama golongan ulat buku di ibu kota untuk mendapatkan bahan bacaan.

"Bagaimanapun, perpustakaan ini ditutup untuk tujuan ubah suai pada 2017 sehingga Jun 2019 dan dibuka semula kepada orang awam pada 4 November lalu.

Dengan penglibatan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020, pihak kami akan menambah lagi bilangan buku pelbagai genre untuk pengunjung."



RUANG perpustakaan yang luas dan selesa.

"Yang menarik mengenai perpustakaan ini adalah transformasi yang dilakukan adalah menggunakan kepakaran dalaman DBKL diketuai oleh Timbalan Pengarah Kanan (Arkitek) Norzaini Noordin," katanya kepada WK2 baru-baru ini.

Kata Rosida, perpustakaan itu memuatkan kira-kira 180,443 koleksi buku sehingga Disember lalu.

"Dengan penglibatan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020, pihak kami akan menambah lagi bilangan buku pelbagai genre untuk pengunjung.

"Kebiasaannya, unjuran untuk lima tahun akan datang, sesebuah perpustakaan perlu menambah koleksi buku

sekarang-kurang 20 peratus," katanya.

Dengan kos pengubahsuaian dalaman melibatkan kira-kira RM34 juta,

INFO Perpustakaan Kuala Lumpur

- Lokasi: No. 1, Jalan Raja, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
- Waktu perkhidmatan:
- Isnin: 2 petang - 6.45 petang
- Selasa: 10 pagi - 6.45 petang
- Sabtu dan Ahad: 10 pagi hingga 5 petang
- Tutup: Sabtu dan Ahad minggu pertama setiap bulan dan cuti umum

Senarai Cawangan Perpustakaan Kuala Lumpur

1. Pustaka KL @ Bandar Baru Sentul
2. Pustaka KL @ Setiawangsa
3. Perpustakaan I Wilayah @ Lembah Pantai
4. Perpustakaan I Wilayah @ Medan Idaman
5. Pustaka KL @ Bandar Tun Razak
6. Pustaka KL @ Gombak Setia
7. Pustaka KL @ Sri Sabah
8. Pustaka KL @ Desa Tun Razak
9. Pustaka KL @ Sri Pantai
10. Pustaka KL @ Muhibbah
11. Pustaka KL @ Jelatek
12. Pustaka KL @ Pudu Sentral

perpustakaan berkenaan tampil lebih santai dan pastinya bakal menjadi tempat tumpuan golongan muda selain menyemarakkan lagi program Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020.

Menerangkan lebih lanjut, Rosidah berkata, perpustakaan ini mempunyai dua tingkat dan pengubahsuaian yang dilakukan arkitek melibatkan struktur asal bangunan berkenaan.

"Di tingkat bawah tanah terdapat Auditorium Tan Sri Elyas Omar namun kawasan ini terpaksa ditutup disebabkan



BILIK Interaktif untuk kanak-kanak.

kan beberapa perkara teknikal.

“Di tingkat bawah juga terdapat sebuah surau untuk kegunaan pengunjung serta kakitangan PKL,” katanya.

Ujar Rosidah lagi, antara pembaharuan yang dilakukan adalah diletakkan sekali perpustakaan kanak-kanak di dalam satu bangunan selain mewujudkan ruang interaktif yang pasti boleh menarik perhatian anak-anak ke perpustakaan.

“Sebelum ini, perpustakaan kanak-kanak berada di Bangunan Annexe PKL namun kerana terdapat kesukaran kepada ibu bapa untuk memantau anak-anak mereka, maka kami berpendapat wajar disekalikan sebagai kemudahan untuk seisi keluarga.

“Selain itu, di dalam ruangan perpustakaan kanak-kanak terdapat sebuah pentas untuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan,” katanya.

Tambah beliau, di tingkat dua, ruangan yang disediakan lebih santai dan terdapat kemudahan komputer dilengkapi kemudahan internet berkelajuan tinggi.

“Terdapat 16 buah komputer dise-

diakan untuk kemudahan pengunjung dan kebanyakan mereka adalah pelajar institusi pengajian tinggi IPT selain orang awam.

“Turut disediakan sebuah bilik yang dinamakan ‘cube room’ yang boleh digunakan untuk menonton televisyen dalam suasana yang santai,” katanya.

Bagi memudahkan pengunjung, perkhidmatan mesin fotostat juga disediakan dengan dikenakan kadar bayaran berpatutan bagi mereka menggunakan kad ahli.

Perpustakaan ini turut memasukkan elemen seni apabila ia turut menyediakan ruang untuk penggiat seni muzik.

Tambah Rosida, antara pembaharuan di dalam perpustakaan ini adalah diwujudkan sudut pengumpulan karya-karya Sasterawan Negara untuk rujukan pengunjung.

“Namun banyak ruangan masih kosong kerana pihak pengurusan masih giat untuk mendapatkan karya-karya sasterawan-sasterawan berkenaan untuk tatapan pengunjung,” katanya.



ROSIDAH



PERKHIDMATAN cetakan turut disediakan kepada pengunjung dengan bayaran yang minimum.



RUANG cafe disediakan untuk pengunjung menjamu selera.

Gaya moden ubah pandangan mengenai perpustakaan

PROSES pengubahsuaian Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL) adalah untuk memberikan wajah baharu dan menukar sudut pandang masyarakat mengenai perpustakaan.

Timbalan Pengarah Kanan (Arkitek) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Norzaini Noordin berkata, proses pengubahsuaian ruangan dalaman perpustakaan ini dilakukan agar ia kelihatan lebih kontemporari dan moden.

“Langkah itu bagi menarik golongan muda untuk menjadikan perpustakaan sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka.

“Selain itu, dengan pelbagai ruangan yang diwujudkan seperti kafe dengan reka bentuk moden pasti akan memberikan impak positif terhadap perpustakaan ini,” katanya.

Menurut Noorzaini, hiasan dala-

man di dalam perpustakaan turut dilengkapi sudut muzik kerana pembelajaran kini lebih interaktif.

“Ruangan muzik yang disediakan adalah bertutup dan sebarang bunyi yang terhasil ia pasti tidak akan mengganggu pengunjung lain.

“Ia bakal menjadi tumpuan untuk penggiat muzik mendapatkan bahan bacaan selain menjadi tempat untuk kumpulan muzik DBKL menjalankan aktiviti berkaitan,” katanya.

Noorzaini berkata, peradaban dan kemajuan sesebuah negara turut dikaitkan dengan perpustakaan kerana ia merupakan lubuk ilmu.

“Dengan wajah baharu perpustakaan ini, diharapkan golongan muda dapat memanfaatkan kemudahan ini untuk kemajuan negara pada masa akan datang,” katanya.



NOORZAINI



GOLONGAN pelajar lebih gemar memilih perpustakaan untuk mencari bahan untuk kerja kuliah dan mengulangaji.